

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT**  
**AGUNG TAHUNAN KOPERASI**  
**KAKITANGAN MAJLIS DAERAH**

**JERANTUT BERHAD (KOMADA  
JERANTUT) KALI KE-7/2022**

**15 JUN 2022 (RABU)**

**3:00 PETANG**

**DEWAN UTAMA MAJLIS DAERAH  
JERANTUT**

---

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis  
YBrS. Puan Khairun Nissa binti Aris

Yang Dipertua Majlis Daerah Jerantut  
Encik Shamsul Anuar bin Che Mansur

Ketua Wilayah SKM Jerantut  
Encik Mohd Khasri bin Abdullah

Pengerusi

Koperasi Kakitangan Majlis Daerah  
Jerantut Berhad (KOMADA Jerantut)

Encik Md Sidek bin Ishak

Pengerusi Majlis

Barisan Anggota Lembaga Koperasi  
KOMADA Jerantut bagi Sesi 2020/2021

Anggota-anggota Koperasi KOMADA  
Jerantut

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
Dihormati Sekalian

---

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam **Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan**

# **Koperasi Kakitangan Majlis Daerah Jerantut Berhad (KOMADA Jerantut) Kali Ke-7/2022.**

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga KOMADA



Jerantut kerana menjemput saya merasmikan mesyuarat agung kali ini berserta kehadiran tuan/puan sekalian dalam majlis yang berbahagia ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

3. Koperasi adalah pertubuhan manusia yang berautonomi yang mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, melalui suatu badan yang dimiliki bersama dan yang terkawal secara demokrasi.

Anggota koperasi hendaklah menerima dan berpegang kepada nilai-nilai etika, termasuk sadik, amanah dan telus. (*Jati Diri Koperasi*). Koperasi hendaklah bergerak berlandaskan kepada tujuh prinsip.

4. Koperasi bergerak atas sokongan anggotanya kerana ia dimiliki dan dikawal secara demokrasi oleh anggota. Anggota berperanan memilih dan melantik pemimpin yang berkebolehan dan berwibawa. Ini kerana Lembaga koperasi bertanggungjawab untuk

melaksanakan segala dasar yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.

5. Justeru, masa depan koperasi bergantung kepada sejauh mana keberkesanan anggota memainkan peranan masing-masing. Maju mundur

sesebuah koperasi bergantung kepada sokongan, sumbangan dan penyertaan anggotanya dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

6. Mengikut perangkaan SKM

sehingga **Disember 2021**, bilangan koperasi berjumlah **14,834 buah** di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu seramai **7,079,119 juta orang**. Manakala modal syer/yuran pula berjumlah **RM16,544.66 juta** dan aset sebanyak **RM154,983.01 juta** yang menjana perolehan

sehingga **RM37,895.62 juta**. Statistik bagi negeri **Pahang** menunjukkan sebanyak **1,180 buah** koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai **299,695 orang**. Syer/yuran terkumpul sebanyak **RM448.24 juta** dengan aset sebanyak **RM1,639.46 juta**. Perolehan keseluruhan berjumlah



**RM860.53 juta.**

7. Peningkatan jumlah koperasi berserta keanggotaan, syer, aset dan perolehan walaupun bukan pada jumlah yang besar adalah perkara yang harus dibanggakan meskipun kita terpaksa berhadapan dengan

pandemik COVID-19 pada tahun-tahun sebelum ini. Ini menunjukkan masyarakat masih yakin terhadap kemampuan koperasi membawa perubahan kepada sosio ekonomi. Namun untuk mengekalkan keyakinan masyarakat bukanlah mudah. Koperasi digalakkan mempelbagaikan aktiviti

perniagaan bagi memastikan pendapatan dapat dijana dengan lebih baik.

8. Saya dimaklumkan jumlah keanggotaan terkini koperasi KOMADA Jerantut sehingga Ogos 2021 adalah seramai **134 orang** dari sejak

penubuhannya pada tahun 2012. Operasi perkhidmatan seperti sewaan 'stall' atau kios, pembekalan peralatan kepada pihak Majlis Daerah Jerantut dan sewaan kanopi menjadi sumber pendapatan utama koperasi. Hasil kelapa sawit turut menjadi salah satu penyumbang utama pendapatan

koperasi KOMADA Jerantut.

9. Saya juga dimaklumkan bahawa sebelum ini, koperasi KOMADA Jerantut pernah terlibat dengan aktiviti berskala besar seperti 'One Million Women Purple Walk' pada tahun 2013 dan membekalkan barang-barang

keperluan mangsa banjir (barisan hadapan) pada tahun 2015. Hasil daripada dua projek besar ini, koperasi KOMADA Jerantut memperoleh keuntungan besar yang turut dinikmati bersama dengan anggotanya.

10. Kejayaan terbesar koperasi ini

apabila diiktiraf sebagai 'Koperasi Harapan Peringkat Negeri' pada tahun 2015. Syabas dan tahniah. Diharap koperasi KOMADA Jerantut akan terus berkembang dan maju serta memperoleh kejayaan lebih besar pada masa hadapan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

11. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara yang diiktiraf kerajaan, ANGKASA sentiasa komited membantu koperasi merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi agar mampu dan bersedia untuk



melibatkan diri dalam perniagaan yang berimpak tinggi.

12. ANGKASA amat menggalakkan ahlinya terlibat dalam perniagaan runcit yang mampu menjana pendapatan lumayan untuk koperasi di samping menjalankan

tanggungjawab sosial selaras dengan prinsip koperasi, “Mengambil Berat Terhadap Masyarakat”. Dalam kita berdepan dengan situasi harga barangan naik, penglibatan dalam perniagaan runcit dapat membantu warga koperasi dan masyarakat mendepani situasi kenaikan harga

barangan asas dan kekurangan bekalan makanan di pasaran.

13. Program BA100 adalah inisiatif ANGKASA dalam menyediakan dan membangunkan platform digital untuk peruncit. Ini merupakan projek nasional yang menjadi nadi kepada program

pembangunan ekonomi gerakan koperasi. Melalui platform BA100, koperasi-koperasi dapat mempromosikan barangan/produk-produk mereka tanpa melalui orang tengah.

14. Selain BA100, banyak lagi projek-projek berimpak tinggi dan pelan perniagaan yang komprehensif yang dirancang ANGKASA melalui sektor-sektor sedia ada. Ini bertujuan untuk merangsang perniagaan koperasi-koperasi ahli ANGKASA. ANGKASA juga membuka peluang kepada koperasi-

koperasi yang berpotensi untuk terlibat dalam jaringan perniagaan.

15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi terima kasih diucapkan kepada semua anggota koperasi KOMADA Jerantut yang hadir pada hari ini. Semoga mesyuarat agung kali

ini menghasilkan resolusi yang dapat menggerakkan koperasi ke arah yang lebih produktif, berdaya saing seterusnya memperkasakan ekonomi koperasi.

Dengan  
Bismillahirrahmaanirrahim,

lafaz  
saya

dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kakitangan Majlis Daerah Jerantut Berhad (KOMADA Jerantut) Kali ke-7/2022.

Sekian, terima kasih.